

## **Elemen-elemen dalam multimedia**

**Azimah Binti Yusoff**

Matlamat seorang guru adalah untuk membantu serta membimbing pelajar belajar dan menguasai pengetahuan yang di perlukan. Masalah utama yang dihadapi oleh pendidik adalah kepelbagaian pelajar khusunya daripada aspek teknik mereka belajar (Jamalludin, 2003). Hal ini memperlihatkan pentingnya peranan guru dalam membuat persediaan mengajar khususnya dari aspek penyediaan bahan bantu mengajar. Pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih efektif jika guru dan pelajar memainkan peranan masing-masing dengan penuh tanggungjawab.

Ini bermakna guru perlu menyampaikan bahan pengajaran dengan baik manakala pelajar pula perlu menerima pelajaran dengan penuh dedikasi dan mempraktikkannya dalam kehidupan harian. Untuk mencapai matlamat seseorang guru harus memperuntukkan masa yang lebih bagi menyediakan alat bantu mengajar yang mampu menarik perhatian pelajar serta dapat membantu dalam proses pengajaran mereka. Sistem pendidikan masa kini mengalami perubahan yang pesat dengan kehadiran teknologi multimedia. Merujuk kepada (Jamalludin Harun, 2003) terdapat lima media utama dalam multimedia iaitu teks, grafik, animasi, audio, video dan animasi. Setiap elemen ini mempunyai peranan yang tersendiri dalam menghasilkan persembahan informasi yang menarik dan berkesan